| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ayah belum boleh pulang | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 01 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | 15 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 488 cm² |
| Journalist | Amran Yahya | AdValue | RM 19,151 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 57,453 |

# Kerajaan negeri, MARA bantu kos rawatan

**Seremban:** Kerajaan negeri bersetuju menampung sebahagian kos membawa pulang Pembantu Tadbir Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Negeri Sembilan, Mohamad Sahar Mohd Noor, 57, yang dirawat di Hospital Charing Cross, barat London kerana diserang angin ahmar.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, beliau mengarahkan pihak berkaitan untuk menguruskan bantuan sesuai yang diperlukan keluarga terbabit.

"Saya dimaklumkan MARA akan membantu lelaki itu dari segi kos perubatan dan penerbangan. Bagaimanapun, bantuan itu mungkin tidak mencukupi kerana keseluruhan kos yang diperlukan adalah tinggi.

"Oleh itu, kerajaan negeri bersetuju membantu keluarga berkenaan bagi membolehkan Mohamad Sahar dibawa pulang ke Malaysia. Tetapi, biarlah pesakit dalam keadaan stabil sebelum dibawa balik, bagi memastikan keselamatannya terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penutup Kursus Perdana Haji Musim 1437H/2016M) Peringkat Negeri Sembilan, di Masjid Kariah Taman Paroi Jaya di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Tabung Haji (TH) Datuk Johan Abdullah; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan dan Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad.

**6 OGOS** >>*Mohamad Sahar dijangka dibawa pulang ke Malaysia*

Powered by: isentia